

UNIT 3 : TUMBUHAN

Standard Kandungan : 3.1 Penjagaan tumbuhan

Standard Pembelajaran : Pada akhir PdPc ini, murid berupaya :

3.1.1 Menyatakan cara menjaga tumbuhan.

3.1.2 Menjelaskan langkah – langkah keselamatan ketika menjaga tumbuhan.

3.1.4 Menyatakan kepentingan penjagaan tumbuhan.

CARA MENJAGA TUMBUHAN

PENJAGAAN	FUNGSI
Memberi naungan 	Melindungi tanaman dari pancaran matahari.
Menyiram 	Mengekalkan kelembapan tanah.
Sungkupan 	- Mengurangkan hakisan. - Elak kepadatan tanah.
Merumput 	- Elak persaingan mendapatkan nutrien, cahaya, air dan ruang. - Musnahkan tempat tinggal perosak.
Menggembur tanah 	Memudahkan air meresap ke tanah.
Membaja 	Membekalkan nutrien.
Memberi sokongan 	Membantu tumbuhan melilit, menjalar dan berbatang lemah.
Mengawal perosak dan penyakit	Mendapatkan hasil yang bermutu.

KESELAMATAN SEMASA MENJAGA TUMBUHAN

KESELAMATAN DIRI

Ketika menjaga tumbuhan atau tanaman, kita perlulah memakai:

- baju kemeja-T berlengan panjang
- seluar panjang
- kasut but getah
- sarung tangan
- topi


KESELAMATAN SEMASA MENJAGA TUMBUHAN

- ❖ Menjalankan aktiviti bersama orang dewasa.
- ❖ Membaca label peralatan atau racun perosak sebelum guna.
- ❖ Jangan berlari.
- ❖ Menggunakan peralatan yang bersesuaian.
- ❖ Jangan guna peralatan yang rosak.
- ❖ Pakai sarung tangan dan topeng muka semasa menyembur racun dengan pengawasan orang dewasa.

KESELAMATAN SELEPAS MENJAGA TUMBUHAN

- ❖ Bersihkan peralatan yang digunakan.
- ❖ Simpan peralatan dalam stor.
- ❖ Pastikan peralatan tajam tidak bertaburan.
- ❖ Pastikan kebun bersih dan selamat.
- ❖ Mencuci tangan dengan sabun dan bilas dengan air bersih.

KEPENTINGAN MENJAGA TUMBUHAN



Nama :

Kelas:

LATIHAN : TUMBUHAN

1. Padankan cara penjagaan tumbuhan dan fungsinya.



**Musnahkan
tempat tinggal
perosak**



**Membekalkan
nutrien**



**Melindungi
daripada
pancaran matahari**



**Menyediakan ruang
struktur
tanah supaya air
boleh meresap**



**Mengekalkan
kelembapan tanah**

2. Kenal pasti pernyataan yang diberikan sama ada **BETUL** atau **SALAH**.

PENYATAAN	BETUL/SALAH
a) Sungkupan merupakan bahan biasanya dibuat daripada bahan buangan kelapa sawit, sabut kelapa dan plastik.	
b) Pencakar digunakan untuk mengumpul rumpai yang telah dipotong dan meratakan batas tanaman.	
c) Karbon dioksida dihasilkan oleh tumbuhan untuk kegunaan manusia bernafas.	
d) Selepas bercucuk tanam, kita perlulah membiarkan kawasan kebun dalam keadaan yang tidak selamat.	
e) Dengan menjaga tumbuhan, kita dapat membantu tumbuhan menyimpan air di dalam tanah.	

3. Pilih jawapan yang betul.

merumput	mineral	serampang tangan	sarung tangan	sokongan	ekosistem	naungan
----------	---------	------------------	---------------	----------	-----------	---------

- a) Semasa menyemai benih, anda perlu memakai untuk menjaga kebersihan diri.
- b) Cara dilakukan bagi mengelak persaingan untuk mendapatkan cahaya, air dan ruang.
- c) digunakan untuk merumput dan menggembur tanah.
- d) membantu tumbuhan untuk melilit, menjalar atau berbatang yang lemah.
- e) Tumbuhan merupakan sumber kepada manusia dan haiwan.